

INFO

# ZAKAT

KELUARAN 4/2020



EDARAN PERCUMA

## Terima Kasih PEMBAYAR ZAKAT

Tahun 2020 telah memberikan satu ujian besar kepada pengurusan zakat khususnya di Pulau Pinang. Pandemik Covid-19 yang melanda hampir sepanjang tahun memberi pengalaman berharga kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam usaha mengimbangi kutipan zakat yang agak perlahan dengan bilangan mustahiq yang bertambah mendadak.

Fenomena ini amat difahami dan strategi pengurusan zakat lebih berkesan perlu disesuaikan dengan situasi sukar tahun ini dan mungkin juga tahun mendatang. Sungguhpun demikian, ZPP harus merakamkan setinggi penghargaan kepada semua muzakki yang terus menyokong dan mendokong ZPP. Terima kasih juga kerana terus setia bertahan dan tetap berzakat untuk negeri tercinta, Pulau Pinang.

Kami berjanji untuk terus komited melaksanakan tugas besar ini dengan penuh amanah dan rasa tanggungjawab, Inshaa Allah. Semoga Allah mempermudahkan segala urusan, melindungi serta memberi kekuatan kepada kita semua buat menempuh tahun 2021 ini.

Dari hati yang tulus ikhlas.

"Terima Kasih Pembayar Zakat"

AMRAN BIN HAZALI  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP

Dapatkan maklumat berkaitan  
Zakat Pulau Pinang di pelbagai  
medium rasmi kami:



**zakatpenang**

أمانة أمّة دجّاج، حقّ أصناف دبّلا | Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibelá



Laman web rasmi:  
[zakatpenang.com](http://zakatpenang.com)



Portal rasmi:  
[zakatpenang2U.com](http://zakatpenang2U.com)



## BANTUAN DERMASISWA PENGAJIAN ZAKAT PULAU PINANG TAHUN 2020

**2 NOVEMBER 2020, Perai** : Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, merangkap Yang Di Pertua, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Sebanyak RM5.35 juta telah diagihkan Zakat Pulau Pinang kepada pelaja-pelajar IPT dalam dan luar negara dalam majlis tersebut. Seramai 1,031 orang pelajar di IPT dalam negara di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana (master) dan ijazah doktor falsafah (Ph.D) menerima manfaat berkenaan. Bantuan ini turut meliputi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran khususnya di bidang Pengajian Islam dan Kedoktoran di luar negara seperti di Mesir, Jordan, Morocco, Russia dan Indonesia. Bantuan ini adalah salah satu program bantuan pendidikan yang disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang.

Bantuan yang diuruskan sebelum ini oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), akan diuruskan sepenuhnya oleh Zakat Pulau Pinang bermula tahun 2020. Besar harapan Zakat Pulau Pinang, agar para pelajar tidak lupa untuk sama-sama menggalas amanah dan tanggungjawab menunaikan zakat suatu hari nanti, sekaligus menyantuni golongan kurang berkemampuan dan memerlukan demi menjamin kelestarian dana zakat di negeri Pulau Pinang.



## KUNJUNGAN HORMAT KE IPK PULAU PINANG

**6 NOVEMBER 2020, Georgetown** : Kunjungan hormat yang diketuai Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang, En. Amran Bin Hazali ini disambut mesra Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, YDH CP Dato' Sahabudin Bin Abdul Manan. Turut menyambut rombongan ZPP adalah ACP Muhamad Halim Bin Yatim, Ketua Jabatan Pengurusan IPK Pulau Pinang, DSP Mardina Binti Saari, Timb. Ketua Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) IPK Pulau Pinang, Ustaz Hafiz Bin Abd Wahab, Ketua Cawangan Agama, BAKA IPK Pulau Pinang serta pegawai-pegawai PDRM yang lain.

Kunjungan ini bertujuan mengeratkan hubungan baik antara dua agensi. ZPP turut berkongsi info berkenaan Skim Sakinah (Skim Potongan Zakat Bulanan) dan Skim Kafalah Mahabbah (Khairat Kematian Untuk Muzakki & Mustahik). Selain itu, kunjungan ini turut membincangkan tentang kebajikan anggota PDRM Pulau Pinang terutama melalui bantuan-bantuan yang layak dipohon seperti sumbangan untuk program-program keagamaan, Bantuan Awal IPT dan Bantuan Perubatan.

Semoga kunjungan ini memberi manfaat besar buat muzakki (pembayar zakat) di kalangan anggota PDRM dan mustahiq (penerima bantuan) di negeri Pulau Pinang.





# SUMBANGAN DANA ZAKAT KEPADA SURAU POLIS MARIN

**6 NOVEMBER 2020, Batu Uban :** Majlis Serahan Sumbangan Dana Zakat kepada Surau Ar-Rahman, Pangkalan Pasukan Polis Marin, Wilayah 1, Batu Uban, Pulau Pinang telah diadakan. Sumbangan berkenaan bagi menampung segala aktiviti yang dijalankan oleh pihak surau.

Dalam majlis yang sama, sesi taklimat kewajipan berzakat turut diadakan. Kaunter perkhidmatan zakat, taksiran, pendaftaran Skim Sakinah dan pembayaran zakat juga dibuka untuk kemudahan anggota Polis Marin.





# LAWATAN KE PROJEK PEMBANGUNAN ASNAF ZPP

**16 DISEMBER 2020, Seberang Perai Utara :** Lawatan ini telah dihadiri oleh beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah ZPP yang juga ahli Jawatankuasa Ekonomi dan Keusahawanan Asnaf ZPP yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Zulkiefly Saad. Dua orang lagi ahli jawatankuasa tersebut adalah Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Hj. Wan Salim Wan Mohd Nor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Dato' Haji Alias Haji Ali, Pengarah Urusan Pak Ali Food Industries Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En Amran Hazali membawa jawatankuasa tersebut melawat ke beberapa lokasi projek pembangunan asnaf di sekitar Mengkuang, Ara Kuda, Tasek Gelugor dan Penaga.

Selain memantau perkembangan program pembangunan ekonomi asnaf, kunjungan ini turut mengambil peluang melihat ruang-ruang pemeriksaan yang boleh dilaksanakan.





Melawat salah seorang usahawan asnaf yang mengusahakan produk Bilis Bawang Spicy Noikita di Mengkuang.



Lawatan ke tapak Projek Peladang Usahawan Asnaf yang mengusahakan tanaman nanas di Ara Kuda.



Melawat ke tapak Projek Ternakan Ayam Kampung ZPP



Lawatan ke Bengkel Gerak Asnaf Jahitan ZPP



Dato' Haji Alias Haji Ali berkongsi pandangan bersama peserta Bengkel Gerak Asnaf Jahitan



Melawat Zakat Mart, Tasek Gelugor.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Hj. Wan Salim Wan Mohd Nor turut sempat meninjau produk-produk dijual di Zakat Mart.



Lawatan ke Bengkel Masakan, Projek Usahawan Zakat di Penaga.



## LAWATAN KERJA AGROBANK KE ZPP

4 DISEMBER 2020, Bukit Mertajam : ZPP menerima lawatan kerja dari AgroBank yang diketuai oleh En. Zulhisyam Zailan, Deputy Chief, Business Officer Retail Banking serta beberapa pegawai kanan dari AgroBank. Lawatan tersebut telah disambut oleh En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP. Antara yang dibincangkan dalam lawatan tersebut adalah tentang pembangunan ekonomi asnaf di Negeri Pulau Pinang. Moga kerjasama dapat dijalankan dengan lebih erat antara kedua-dua belah pihak.





## MAJLIS SERAHAN BANTUAN RUMAH ZAKAT

**8 DISEMBER 2020, Penaga :** Majlis serahan bantuan rumah ZPP ini telah berlangsung di Penaga, Seberang Perai. Penyerahan kunci rumah tersebut telah diserahkan oleh En.Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP kepada En.Sazali Osman, penerima bantuan rumah ZPP. Turut hadir, beberapa pegawai kanan dari ZPP. Terima kasih pembayar zakat.





## SUMBANGAN SKIM KAFALAH MAHABBAH

**21 DISEMBER 2020, Seberang Perai :** Skim Kafalah Mahabbah tersebut telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali kepada 3 orang waris penerima manfaat skim tersebut di sekitar daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah.

Skim ini merupakan sumbangan ikhlas dari Zakat Pulau Pinang untuk diberikan kepada waris-waris pembayar zakat yang membayar zakat harta di Zakat Pulau Pinang dan penerima bantuan bulanan zakat, apabila berlaku kematian.

Semoga dengan tertunainya zakat kita semua, dapat meringankan lagi kesulitan mereka.



## SUMBANGAN WAKALAH PTPTN

**26 DISEMBER 2020, Bukit Mertajam :** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menyerahkan sumbangan berbentuk satu unit mesin hemodialisis dari sumber dana wakalah, iaitu pengembalian semula sebahagian daripada zakat yang ditunaikan oleh PTPTN kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan wang tersebut dikhususkan untuk rawatan asnaf di Pusat Hemodialisis Zakat.

Mesin hemodialisis yang bernilai RM45,000 itu telah diserahkan sendiri oleh En. Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN kepada En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP. Sumbangan ini bertujuan bagi membantu memenuhi keperluan pesakit asnaf yang kian bertambah di Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ).

# PROGRAM SANTUNI MUZAKKI

**28 DISEMBER 2020 :** Program ini bertujuan bagi menyemarakkan lagi Program Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020. Program kunjungan yang diketuai En. Mohamad Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Zakat Pulau Pinang ini turut bertujuan bagi menyantuni dan membina jambatan ukhuwah di antara Zakat Pulau Pinang dan Muzakki (pembayar zakat) di Pulau Pinang, khususnya melibatkan syarikat-syarikat korporat. Menariknya kali ini, kesemua syarikat-syarikat berkenaan turut sama menunaikan kewajipan zakat perniagaan kali pertama dan juga menunaikan kewajipan zakat bagi akhir haul 2020. Ianya menyerlahkan lagi semangat kebersamaan dalam membantu asnaf-asnaf di Pulau Pinang.

Antara lokasi yang dikunjungi adalah:



1 Mee Sungai Acheh Nibong Tebal



2 Jawi Tyre & Workshop, Sungai Jawi



3 Restoran Kak Sal Kelate,  
Permatang Pauh



4 Adlisem Kelapa Goyang,  
Pokok Tampang



5 ESW HQ, Pusat Bandar  
Bertam Perdana



6 Pusat Pakar Perubatan Dr. Anwar,  
Pusat Bandar Seberang Jaya



7 Sanjung Indah Enterprise,  
Cherok Tokun



# Galeri PEMBAYAR ZAKAT



Al-Fadhil Ustaz Dato' Hj. Shamsuri Hj. Ahmad



Dato' Mohamed Aswan Seeni Mohamed Nizalath,  
Pengarah Pelita Samudra Pertama (M) Sdn Bhd



Diserahkan Dato' Mohd Faizal Ali,  
Pengarah Urusan Warisan Ali Group Sdn Bhd



Dato' Haji Alias Bin Haji Ali, Pengarah Urusan  
Pak Ali Food Industries Sdn Bhd (PAFI)



Diserahkan oleh En. Abd Razak Abd Ghanee,  
Perunding Operasi Gerbang Alaf Restaurant Sdn. Bhd.  
(McDonald's)

# Galeri PEMBAYAR ZAKAT



Diserahkan oleh En. Mohd Fisal Ibrahim,  
Penolong Naib Presiden UDA Land ( North)  
Sdn. Bhd



Diserahkan oleh En. Muhammad Nazmi Nawi,  
Pengurus Kewangan Malaysia Industrial  
Development Finance Berhad (MidF) Wilayah Utara



Diserahkan oleh En. Syed Ageel  
Dato' Syed Mohd Mahayadin,  
Pengarah Urusan Al-Haddad Marketing Sdn. Bhd



Diserahkan oleh En. Zaidi Saad,  
Pengurus Deposit Kawasan Utara,  
Malaysia Building Society Berhad (MBSB)



Diserahkan oleh Tuan Haji Zailani Ismail,  
Ketua Wilayah Pulau Pinang  
Telekom Malaysia Berhad



Encik Isma Azad Hazari,  
Pengarah Urusan, Panca Abadi Automobil  
Sdn. Bhd.



## Kenapa perlu tunai zakat melalui Skim Sakinah?

(Skim Potongan Zakat Bulanan)

1. Mudah & cepat.
2. Menjimatkan masa anda.
3. Anda tidak perlu bersesak-sesak di kaunter zakat.
4. Anda seorang yang bijak dalam menguruskan kewangan, tidak lagi bimbang membelanjakan wang.
5. Anda layak menyertai Skim Kafalah Mahabbah (Skim khairat kematian) bayaran minimum RM100 setahun.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



04-549 8088



admin@zakatpenang.com



[www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)

Alamat!  
 Belum bayar  
**ZAKAT PERNIAGAAN!**  
 Risau Pulak Dengan  
 COVID-19...



Kira Zakat Cara Bayar Zakat Online Pertanyaan

**ANDA MUDAH, KAMI SENANG**

## HUBUNGI AMIL ANDA

Zakat Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan

**Amil Online** bagi membantu memudahkan urusan bayaran ibadah zakat anda melalui 3 kaedah menggunakan aplikasi **WhatsApp** iaitu sama ada:

1. Panggilan Video (Video Call)
2. Panggilan Telefon
3. Hantar Mesej



**KEMPEM  
2.5 %**

013 437 1739 018 455 5598 018 388 2320

Bahagian Dakwah Korporat,  
 Zakat Pulau Pinang, MAINPP

#StaySafe #kitaJagaKita #patuhSOP



# Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 11

## Kempen TAKSIR & BAYAR ZAKAT PERNIAGAAN

Baru Mula Niaga  
@ Kecil-kecilan

Team Kutipan 1  
0183882320



Enterprise, Koperasi  
Sdn Bhd @ Online Biz

Team Kutipan 2  
0134371739



Sdn Bhd,  
Syarikat Awam Berhad  
Koperasi dan lain-lain

Team Kutipan 3  
0134555598



zakatpenang  
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



# Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

## BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Program tahunan ZPP ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dalam persediaan persekolahan anak-anak mereka.

### SYARAT-SYARAT

- Memenuhi syarat-syarat umum bantuan zakat.
- Kelayakan bilangan anak bersekolah & pendapatan kasar isi rumah:
 

2 orang	RM1,500.00 & ke bawah
3 orang	RM2,000.00 & ke bawah
4 orang & ke atas	RM2,500.00 & ke bawah

Peruntukan Tahunan  
**RM5,000,000.00**

zakatpenang  
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



# Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 20

## BANTUAN PERMULAAN KE IPT

( Bagi Kemasukan Dalam & Luar Negara )

Bantuan ini bertujuan untuk membantu ibu bapa dan pelajar **menampung perbelanjaan awal** semasa mendaftar ke Institusi Pengajian Tinggi sama ada IPT atau IPTS di dalam dan luar negara.

PERUNTUKAN TAHUNAN  
**RM6,000,000.00**

4 Kategori Permohonan

SIJIL / MATRIKULASI	<b>RM600.00</b>
DIPLOMA	<b>RM800.00</b>
IJAZAH	<b>RM1,000.00</b>
IPT LUAR NEGARA	<b>RM2,000.00</b>



### Permohonan dibuka sepanjang tahun

Permohonan adalah sah dalam tempoh 6 bulan pertama daripada surat tawaran.

zakatpenang  
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



# Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 22

## BAYARAN SAGUHATI

( Guru Agama / Guru Al-Qur'an / Guru Takmir )

Zakat Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah dana bagi sumbangan berbentuk saguhati kepada GURU AGAMA, GURU AL-QUR'AN ( SUKARELA ) dan GURU TAKMIR ( BERDAFTAR DENGAN JHEAIPP ).

### PERUNTUKAN

**RM1,365,600.00**




### 3 Kategori Penerima

Guru Al-Quran  
1592 Penerima X RM600.00

Guru Agama  
310 Penerima X RM800.00

Guru Takmir  
203 Penerima X RM800.00

zakatpenang  
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



**Langkah-langkah bayaran zakat dengan JomPAY :**

1. Layari laman web [www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)
2. Pilih Bayar Zakat & daftarkan maklumat anda terlebih dahulu melalui Borang JomPAY online.
3. Sila catatkan Biller Code : 1453 dan Ref-1 setelah maklumat pendaftaran JomPAY diisi.
- Contoh :
 

Biller Code	:	1453
Ref-1	:	202010080010 ( Nombor yang dijana)
Ref-2	:	No. kad pengenalan
4. Seterusnya layari mana - mana Perbankan Internet anda untuk proses pembayaran.

Nota : Ref-1 adalah berbeza bagi setiap transaksi dan anda perlu mengisi semula Borang JomPAY online bagi mendapatkan Ref-1 untuk transaksi seterusnya.

Terima kasih pembayar zakat.

[zakatpenang](#)

## PERBANKAN INTERNET ONLINE BANKING

**1. Taip di Google @ Yahoo [www.maybank2u.com.my/](http://www.maybank2u.com.my/)**  
**2. Log masuk USERNAME**  
**3. Pilih PAY**  
**4. Pilih PAY TO Zakat Pulau Pinang**  
**5. Masukkan JUMLAH, NO TELEFON, JENIS ZAKAT**  
**6. Klik REQUEST TAC dan CONFIRM**  
**7. Klik SAVE RECEIPT**

Jom ONLINE PAYMENT zakat dengan **Maybank2u**

[zakatpenang](#)

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | امانة ائمۃ دیجاك، حق اصناف دبلا

## Kadar Nisab Zakat Tahun Semasa (2021)

**RM20,500.00**

\* Kadar Nisab semasa adalah berdasarkan nilai 85 gram emas.

\* Nisab adalah kadar minima yang ditetapkan oleh syarak yang layak dikenakan zakat.

Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang di pelbagai medium rasmi kami:

[zakatpenang](#)   
[zakatpenang.com](#)   
[zakatpenang2u.com](#)

Zakat TRIVIA #1

**ZAKAT KWSP (i-Lestari & i-Sinar)**

Kemudahan i-Lestari dan i-Sinar diwujudkan untuk membantu meringankan beban kewangan ahli yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

**1. TIDAK PERLU DISEGERAKAN**

- Apabila jumlah pengeluaran maksimum yang dibenarkan tidak mencukupi nilai nisab.

**2 Amalan ZPP**

**2. SEGERAKAN (HUKUMNYA HARUS)**

- Apabila pembayar ingin menyegerakan bayaran kerana bimbang akan terlupa, hukumnya HARUS

Nota

Sekiranya seseorang ahli KWSP itu membuat pengeluaran maksimum untuk kedua-dua kemudahan i-Lestari dan i-Sinar, ia dikira sudah mencukupi nisab. Sebagai contoh:

Pengeluaran i-Lestari (RM6,000.00)  
 Pengeluaran i-Sinar (RM15,000.00)  
 Total: RM21,000.00 / (Cukup nisab)

Nilai nisab tahun 2021:  
**RM20,500.00**

zakatpenang



**Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela**

### Sidang Redaksi

#### Penasihat

**EN AMRAN BIN HAZALI**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
ZAKAT PULAU PINANG

#### Sidang Editor

**MOHAMAD FUAD MD ISA**  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)

**DR. HAJI MOHAMAD  
SALLEH ABDULLAH**  
PENGURUS BESAR JABATAN  
KHIDMAT PENGURUSAN

#### Ketua Editor

**KHAIROL AZHAR BIN ZULKIFLI**  
KETUA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
PROMOSI MEDIA DAN ARKIB

#### Editor

**MOHAMAD FADZIL  
BIN JAMALUDDIN**

#### Jurugambar

**AHMAD AZRUL  
BIN HALIT /  
MOHD HUSSEIN  
BIN MOHD YASSEN**



Zakat Pulau Pinang, No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam



04-549 8088



04-530 6466



1-300-88-8808



admin@zakatpenang.com



[www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)



Zakat Penang



Zakat Penang

Imbas Kod  
Untuk Kalkulator  
ZAKAT PENDAPATAN



Imbas Kod  
Untuk Kalkulator  
ZAKAT PERNIAGAAN



Imbas Kod Untuk  
TUNAI ZAKAT

